

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK WIRA HAJI AHMAD
BIN HAMZAH**

KAWASAN : **JASIN**

TARIKH : **10 JUN 2015 (RABU)**

NO. SOALAN : **79**

YB. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah Kementerian mengeksploitasi nilai ringgit yang di bawah paras sebenar dalam membuka peluang pelabur asing untuk melabur dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun kedudukan nilai mata wang Ringgit kini berada di bawah paras sebenar, Kerajaan adalah komited dalam memastikan akaun semasa dalam imbangan pembayaran terus mencatat lebihan, meneruskan pembaharuan fiskal dan konsolidasi, mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan memastikan sistem kewangan terus berfungsi, tanpa menjejaskan aktiviti perniagaan.

Antara langkah-langkah yang sedang diambil Kementerian untuk mengeksploitasi nilai Ringgit yang di bawah paras sebenar adalah:

- (i) Mengambil pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia. Pengilang-pengilang digalakkan untuk menggunakan keluaran tempatan sebagai input supaya mendapat pulangan yang lebih tinggi dengan kos pengeluaran dalam matawang Ringgit yang rendah. Pengilang-pengilang tempatan juga akan mendapat faedah apabila mereka mengeksport keluaran siap kerana harga yang ditawarkan lebih kompetitif.
- (ii) Menggalakkan pelabur asing untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia dalam projek pelaburan yang berkualiti seperti projek-projek berteknologi tinggi, nilai ditambah yang tinggi, berintensif pengetahuan, kemahiran intensif, berorientasi eksport, berintensif modal, reka bentuk dan R&D, projek-projek yang mempunyai impak yang tinggi dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan industri tempatan.

Antara sektor yang mendapat manfaat disebabkan kejatuhan nilai matawang Ringgit ialah industri elektronik, peralatan perubatan serta produk berasaskan getah dan perabot, yang kebanyakannya merupakan sektor berasaskan sumber dan berorientasi eksport.

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak sektor swasta dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing dan lebih kompetitif dari segi kos. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan langsung asing utama di rantau ini.